



PROJEK M.U.M



KEMBARA NUSANTARA

orangutan

A small illustration of a red monkey hanging from a green vine, positioned below the word 'orangutan'.

Disiapkan oleh: Cikgu Nadhira

OGOS 2024

kembara Nusantara:

Kembara Nusantara ialah program anjuran Malay Language Learning and Promotion Committee (MLLPC), dengan kerjasama Mandai Wildlife Group. Kembara Nusantara bertujuan untuk menggalakkan pembelajara Bahasa Melayu melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan di Taman Haiwan Singapura.

Kanak-kanak akan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti-aktiviti menarik serta lawatan ke Taman Haiwan Singapura. Ini adalah sebahagian daripada usaha MLLPC untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang hidup.

Terima kasih MLLPC kerana menayakan projek ini!

pemilihan topik:

Kanak-kanak membuat undian di antara 5 haiwan yang ditonjolkan bagi program ini. Undian kanak-kanak adalah seperti berikut:

 Harimau	Eiman, Raifa & Aisya
 kancil	
 orangutan	Ariana, Fikrah, Nayla, Ryan, Syazqirin, Adam, Ayra Asfa, Zahraa, Naqeisha, Hasya & Aaira Na'ilah.
 Gajah	Nuhyah & Ayser
 buaya	

saya Ingin Tahu...

Berikut adalah soalan-soalan yang kanak-kanak ada mengenai orangutan:

Bagaimana orangutan *hang* di pokok dan tidak jatuh?

Kenapa mukanya penyek?

Bagaimana dia cari alat (di dalam hutan)?

Kenapa ada *feather* (di badannya)?

How do they become born?
(Bagaimana orangutan dilahirkan?)

Kenapa bayi orangutan pipin tangan (ibunya)?

Kenapa dia makan daun?

Bagaimana dia mandi?

Apakah daun orangutan makan?

Di mana dia tidur?

Kenapa orangutan tidak lompat?

Giginya warna apa?



Hasya



Zahraa



Aisya



Eiman



Aqira Na'ilah



Ariana



Ayra Asfa



Nuhyah



Hani

saya Tahu...

Berikut adalah perkara yang kanak-kanak tahu mengenai orangutan:

Orangutan
makan semut
dan buah-buah.



Ayser

Orangutan
matanya hijau.

Bayi orangutan
comel.



Ayra Asfa

Orangutan can
stand on one leg,
two legs and
upside down.

Orangutan
macam King
Kong!



Aiman

Mulut orangutan
besar!


Furnya warna
coklat.



Hasya



Aqira Na'ilah



menyanyi & mencari lagu:

ORANGUTAN

DALAM HUTAN

(ikut irama lagu 'London Bridge is Falling Down')

Orangutan tinggal dalam hutan,
dalam hutan, dalam hutan,
Orangutan tinggal dalam hutan,
Sangat lucu dan ceria!

Dia bergayut dari pohon ke pohon
Pohon ke pohon, pohon ke pohon,
Dia bergayut dari pohon ke pohon
Suka bermain di sana!

Makan pisang dan buah-buahan,
Buah-buahan, buah-buahan,
Makan pisang dan buah-buahan,
Suka sekali dia!

Mari kita jaga hutan,
jaga hutan, jaga hutan,
Mari kita jaga hutan,
rumah orangutan!!

Sila imbas kod QR untuk tonton
kanak-kanak menyanyi



<https://tinyurl.com/mkorangutan>



HARI antarabangsa

Orangutan

Sempena Hari Antarabangsa Orangutan pada 19 Ogos 2024, kami bermula pembelajaran kami mengenai orangutan! Pada hari itu, kanak-kanak diperkenalkan kepada ikon pelancongan Singapura - Ah Meng. Berikut adalah fakta-fakta mengenai Ah Meng yang dipelajari kanak-kanak:

Ah Meng menjadi ikon Taman Haiwan Singapura.

Ah Meng dilahirkan di Sumatra pada tahun 1960.

Ah Meng telah memikat hati ramai pelancong. Dia amat disayangi oleh ramai!

Ah Meng disimpan sebagai haiwan peliharaan haram di Singapura selama 11 tahun sebelum ia diselamatkan oleh Taman Haiwan Singapura.

Ah Meng meninggal dunia pada tahun 2008, pada usia 48 tahun.



Kanak-kanak juga mencadangkan untuk melungsuri laman YouTube untuk mendapat maklumat lanjut mengenai orangutan.

Orangutan tinggal di hutan hujan Sumatra!

Eeee orangutan makan semut?

Wah! Orangutan boleh panjat pokok yang tinggi.

Bayi orangutan comelnya.



peringkat hidup orangutan

Kanak-kanak amat tertarik dengan tingkah laku orangutan dan anaknya. Mereka ingin tahu bagaimana orangutan membiak dan membesar dari bayi hingga dewasa. Melalui pembelajaran ini, mereka dapat memahami kitaran hidup orangutan dan hubungannya bersama persekitarannya.




Kanak-kanak mempelajari bahawa orangutan mendapat bayi melalui proses kehamilan. Di dalam gambar ini, kanak-kanak dapat melihat *ultrasound* bayi di dalam perut Ibunya.




Orangutan akan menjaga anaknya sehingga ia berumur 6 tahun. Ibu akan mengajarnya cara untuk mencari makanan dan memanjat pokok. Anaknya juga sentiasa bersama Ibunya.

Peringkat hidup orangutan:



Kanak-kanak bekerja secara berkumpulan untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka mengenai peringkat hidup orangutan. Kanak-kanak berbincang di antara satu sama yang lain dan memastikan kesemua ahli kumpulan melibatkan diri untuk menyumbang dalam aktiviti ini.



permainan: kasi orangutan makan!


Dalam permainan ini, kanak-kanak memberikan makanan ke orangutan. Selepas memilih salah satu jenis makanan, mereka akan kata, "Orangutan, makanlah (nama makanan)" lalu mencampakkan makanan tersebut ke dalam mulut orangutan.



Orangutan,
makanlah...
PAPAYA!



Orangutan,
makanlah...
PISANG!



Saya nak
orangutan
makan...
CICAK!



Ayuh, ke TAMAN HAIWAN!

Kanak-kanak ke Taman Haiwan Singapura pada 21 Ogos 2024 untuk bertemu orangutan! Kanak-kanak sungguh ghairah hendak bertemu dan belajar mengenai orangutan. Lihat muka-muka mereka yang amat ghairah dan bertenaga!



Perjalanan bas ke Taman Haiwan!



Di pintu masuk Taman Haiwan, kami ternampak gambar Ah Meng!

Hei! Itu
Ah Meng!



Dalam perjalanan kami menuju ke 'Orangutan Island', kami melihat 'memerang' dan 'ungka'. Kedua haiwan merupakan haiwan-haiwan yang tinggal bersama orangutan di Orangutan Island juga.



memerang



Lajunya
memerang
berenang.



ungka



Ungka di
atas pokok!!!



orangutan island!

Kami tiba di tempat tinggal orangutan di Orangutan Island!
Kanak-kanak menaiki jambatan lalu kami meluangkan masa untuk memerhatikan tingkah laku orangutan di sana.




santai...




Rumah orangutan macam playground!



Orangutan pakai kadkod macam topi!



Orangutan kencing!!



Orangutan atas pokok!



Kanak-kanak mempelajari bahawa orangutan suka makan durian! Orangutan juga berkebolehan untuk membuka durian dengan tangan mereka – tanpa menggunakan apa-apa alat. Di sini, kanak-kanak mencuba membuka durian seperti orangutan.

Saya pun
suka makan
durian...



Durian
tajam...



Pandainya
orangutan
bukak
durian.

Kanak-kanak juga mempelajari bahawa orangutan mempunyai
tangan panjang, kaki pendek.



Tangan dan kaki orangutan bermain peranan yang penting dalam
hidupan orangutan.



Saiz tangan dan kaki orangutan hampir sama! Di sini, kanak-kanak dapat meletakkan tangan mereka untuk membuat perbandingan.



Besarnya
tangan dan
kaki
orangutan!



orangutan sumatra

Untuk persinggahan terakhir kami, kami melawat Orangutan Sumatra. Orangutan Sumatra merupakan haiwan yang terancam disebabkan penebangan hutan. Kami amat bertuah kerana dapat melihat seekor orangutan Sumatra secara bersemuka!



Wah!
Besarnya
orangutan
Sumatra!



Orangutan
minum air
kat situ!



Orangutan
macam
tengah
lepak!



Dia
makan
daun!



permainan: 'Orangutan Lihat, Orangutan Buat!'

Kanak-kanak berkongsi tingkah laku orangutan yang diperhatikan semasa lawatan kami ke Taman Haiwan. Berikut adalah jawapan yang diberikan oleh kanak-kanak:


Kami melihat orangutan...

- Bermain dengan kadbod
- Tidur
- Bergayut di atas tali dengan laju
- Bermain bersama-sama
- Bersantai
- Melihat kanak-kanak
- Memanjat pokok
- Tinggal bersama ungka
- Tergantung terbalik
- Kencing
- Berkumpul
- Mendukung anaknya
- Rehat
- Termenung
- Berjalan
- Baring
- Makan daun

Dalam permainan 'Orangutan Lihat! Orangutan Buat!', kanak-kanak perlu menggunakan kain pelikat untuk meniru satu tingkah laku orangutan dan melafazkannya dalam ayat yang mudah.



Sila imbas kod QR
untuk tonton kanak-
kanak beraksi!



<https://tinyurl.com/jomberaksi>

AYUH membaca buku, JOJO, si orangutan.

Buku cerita 'Jojo, si orangutan' mengisahkan Jojo, orangutan pertama yang diselamatkan oleh International Animal Rescue (IAR) pada tahun 2008. Melalui cerita ini, kanak-kanak dapat mempelajari mengenai kepentingan hutan dan pemuliharaan haiwan.



Manusia jahat menangkap Jojo!

Wanita itu sedang menyelamatkan Jojo.

Wanita itu buat apa?

Manusia bawa Jojo keluar dari hutan,

Jojo takut.

Kasihlah Jojo...

Nanti wanita itu bawa Jojo balik ke hutan!

Kenapa orangutan Haiwan yang **terancam**?

Dua sebab yang mengakibatkan orangutan sebagai haiwan yang terancam adalah seperti berikut:



Orangutan ditangkap oleh manusia, seperti di dalam cerita 'Jojo, si orangutan'



Hutan adalah tempat tinggal orangutan. Namun, banyak hutan dibakar dan pokok-pokok ditebang. Ini juga menjejaskan kehidupan orangutan ☹

poster orangutan

Kanak-kanak terjejas akan pengetahuan ini. Mereka ingin meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan orangutan dan mencadangkan untuk membuat poster. Berikut adalah mesej-mesej yang difikirkan bersama-sama:

Hormatilah orangutan!

Sayangilah orangutan!

Jangan bunuh orangutan!



Jangan tangkap orangutan!



Mari kita menjaga hutan!

Jangan membakar rumah orangutan!

Sila ke mukasurat seterusnya untuk melihat poster yang dihasilkan oleh kanak-kanak!

Hasil poster kanak-kanak





Aktiviti Bersama keluarga: DIORAMA ORANGUTAN

Melalui video-video mengenai orangutan dan lawatan kanak-kanak ke Taman Haiwan, mereka membuat kesimpulan bahawa orangutan boleh hidup secara liar di dalam hutan atau di dalam Taman Haiwan. Di kelas, mereka melukis perancangan mereka akan tempat tinggal orangutan. Dengan merujuk lukisan, kanak-kanak akan menghasilkan kraf diorama orangutan bersama ibubapa di rumah.



Kanak-kanak telah menghasilkan tempat tinggal orangutan yang amat menarik dan unik kepada kreativiti masing-masing! Kami mengadakan 'Pameran Orangutan' untuk meneliti kesemua tempat tinggal orangutan. Sambil melihat, kanak-kanak juga memberikan pelekat kepada kawan-kawannya untuk mengiktirafkan usaha rakan-rakan mereka 😊



saya sudah Tahu...

Berikut adalah perkara yang kanak-kanak mempelajari mengenai orangutan:



Naqaeisha

Orangutan
bergayut dari
pohon ke
pohon.
Orangutan ada
tajam gigi.



Nuhyah

Orangutan
bukak
durian
dengan
tangan.



Hasya

Orangutan
kencing tidak
cebok! Kami
lihat di Taman
Haiwan.



Fikrah

Orangutan
*never brush
teeth* (dia
tidak gosok
gigi).

Orangutan
suka tengok
kita!



Zahraa

I see
orangutan at
the zoo.
Orangutan
kencing. It's
so funny!



Ryan

(Orangutan
suka makan)
durian.



Raifa

Bulunya banyak.
Orangutan
tangan panjang.



Adam

Orangutan
punya mulut
besar dan
giginya
kuning.



Nayla

Dia
(Orangutan)
tidur tak
ada bantal.



Eiman

Orangutan
berak dia
tidak flush.



Syazairin

Ungka dan
otter
(memerang)
tinggal
bersama
orangutan.



Aiman

Orangutan pakai
kadbod.
Matahari bright,
dia tidak boleh
nampak!




Ayra Asfa

Tangan orangutan
tolong dia
bergayut dan
panjang.




Aqira Nailah

Ikan pun tinggal
Bersama
orangutan.



MAKLUM BALAS



MAKLUM BALAS GURU

Program Nusantara adalah kaedah yang seronok dan menarik untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak Tadika 2 saya.

Lawatan kami ke Taman Haiwan amat dinanti-nantikan oleh mereka. Pengalaman mereka di sana telah mencetuskan lagi rasa ingin tahu dan minat mereka terhadap orangutan. Mereka amat terpesona dengan tingkah laku orangutan, interaksi mereka, dan ciri fizikal orangutan yang unik.

Kanak-kanak juga bertanya banyak soalan - terutama sekali tentang habitat dan kenapa orangutan haiwan yang "endangered". Urutan projek kami pascalawatan lebih diarahkan oleh kanak-kanak saya kerana mereka ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai soalan-soalan yang ditanyakan. Disebabkan hubungan yang kanak-kanak merasai terhadap orangutan, mereka juga dapat memahami kepentingan memulihara orangutan dan rumah mereka. Ramai di antara mereka menyatakan hasrat untuk membantu melindungi haiwan ini.

Kanak-kanak saya juga dengan secara langsung, dapat mengaitkan pembelajaran kami dengan pengalaman mereka dengan mudah. Ini membolehkan mereka untuk mengingat dan menggunakan kosa kata BM yang berkaitan dengan orangutan dalam perbualan mereka. Sehingga hari ini, projek orangutan masih lagi diperbualkan di antara kanak-kanak dan ia merupakan kenangan yang tidak dapat dilupakan.

Disebabkan minat mereka yang tinggi, saya juga telah menghasilkan buku aktiviti orangutan untuk kanak-kanak melakukan di rumah di penghujung program ini. Kanak-kanak sangat ghairah dan ibu bapa juga berkongsi peningkatan dalam aspek penggunaan BM yang diperhatikan pada anak mereka di rumah.

Secara keseluruhan, saya berasa amat puas hati dengan pengalaman saya menjalankan program Kembara Nusantara. Ia diterima dengan baik oleh kanak-kanak dan saya amat bangga dengan peningkatan dan minat kanak-kanak saya terhadap pembelajaran Bahasa Melayu 😊

Cikgu Nadhirah



MAKLUM BALAS KANAK-KANAK

Soalan: Apakah perkara yang awak suka tentang Program Kembara Nusantara (projek: orangutan)?

Saya suka buku aktiviti orangutan. Saya suka buat "word search". I want somemore! Saya suka pergi Singapore zoo because I get to see the orangutan kencing."

Fikrah

I like to open the durian (di taman haiwan).

Ryan

My favourite is permainan kasi orangutan makan.

Raifa

Saya suka permainan kasi orangutan makan. Saya suka main!

Aiman

Saya suka bukak durian macam orangutan. Durian sedap. Saya pun suka durian!

Muhyar

Saya suka cerita orangutan (Jojo, si orangutan). I suka menyanyi orangutan.

Hani

Saya suka (belajar tentang) orangutan because orangutan baby so cute!"

Naeisha

Saya suka pergi Singapore zoo. Ada orangutan. Orangutan kencing

Ariana

Saya suka lihat orangutan. Dia comel!

Ayra Asfa

Saya gembira kerana tahu orangutan tak makan jagung. Kerana di hutan tak ada jagung.

Eiman

Saya suka bayi orangutan. Dia comel dan (saya nampak) ibu dia dukung dia.

Aisya

Saya suka bukak durian (di taman haiwan). Durian tajam tapi orangutan boleh bukak durian itu.

Aaira Nailan

Saya suka (kerana dapat) pergi rumah orangutan.

Nayla

Saya suka orangutan... saya di sini (*tunjuk kepada gambarnya di taman haiwan).

Syazairin

Saya suka lagu orangutan. Lagunya sedap!

Zahraa

Saya suka pergi rumah orangutan Sumatra. Orangutan Sumatra besar!

Hasya

Saya suka lukis orangutan.

Ayser Asfa

Saya suka tengok video orangutan. Saya suka orangutan.

Adam

MAKLUM BALAS IBU BAPA

Pelawatan ke Taman Haiwan amat dinantikan oleh Eiman kerana lawatan terakhir ke sana adalah agak lama dahulu. Dia memberitahu saya bahawa dia amat teruja apabila dia bersemuka dengan orangutan kerana saiznya yang besar dan "tangannya yang panjang". Eiman juga berkongsi bahawa dia lihat "orangutan boleh pergi dari pohon ke pohon" dan boleh "berdiri terbalik dari pohon". Dia juga amat geli hati apabila dia memberitahu saya dia "nampak orangutan buang air kecil". Eiman juga minat berkongsi tentang pemakanan orangutan dan memberitahu saya bahawa orangutan bukan sahaja memakan pisang tapi "boleh kopek dan makan durian" kerana dia tahu betapa sukanya saya dengan buah durian.

Saya dan Eiman juga amat seronok menghasilkan rumah orangutan dan kami gigih mencari bahan-bahan kitar semula sambil bertukar idea untuk mendirikan rumah orangutan. Saya suka mendengar informasi yang dikongsi oleh Eiman kerana dia dapat mengingatkan pembelajarannya di kelas dan dia gembira dapat melihat orangutan dengan lebih dekat lagi menerusi pelawatannya ke Taman Haiwan. Saya amat berterima kasih kepada Cikgu Nadhira kerana menerusi ajarannya di kelas, beliau dapat memupuk minat dan mendedahkan kanak-kanak kepada habitat orangutan dan juga haiwan-haiwan yang lain.



Auan Ashikin.
Ibu Eiman



Pada pendapat saya program Kembara Nusantara ini sangat berfaedah. Saya juga ingin beri pujian kerana kagum program ini diperkenalkan secara berperingkat kepada kanak-kanak. Contohnya ada lawatan ke Taman Haiwan, lagu, aktiviti kraf dan juga buku aktiviti.



Aiman sangat teruja untuk melawat orangutan dan melihat haiwan lain di Taman Haiwan. Dia belajar banyak perkataan melayu seperti 'memerang laut' dan 'ungka'. Saya hingga cari di Internet untuk pastikan ia perkataan yang betul. Saya juga mempelajari perkataan baru dari Aiman melalui program ini.

Aiman juga suka menyanyi lagu 'Orang Utan' yang diajarkan oleh Cikgu Nadhira. Sangat comel lagunya. Saya dan Aiman juga sangat bersungguh-sungguh membuat kraf 'Orangutan'. Aiman yang memilih warna dan gambar untuk kraf tersebut. Kami juga seronok lakukan 'Buku Aktiviti Orang Utan'.

Terima kasih Cikgu Nadhira yang telah merancang program tersebut. Sangat berfaedah dan seronok.



Auan Aiman
Ibu Aiman



Selepas pulang dari lawatan ke Taman Haiwan, Ayra dan Ayser sungguh teruja dan tidak sabar untuk berkongsikan cerita mengenai Orang Hutan Sumatra. Maklum balas dari mereka adalah masa terlalu singkat kerana ada benda lain yang mereka mahu lagi melihat tetapi masa tidak mencukupi.

Ayser lebih minat untuk bertutur BM kebelakangan ini dan sering bernyanyi lagu Orang Hutan bersama Ayra hampir setiap hari. Saya bangga atas peningkatan minat mereka ke atas BM.

Terima kasih Cikgu atas bimbingan terhadap mereka selama ini.



Puan marni.
Ibu Ayser & Ayra



Terima kasih kerana memberi peluang kepada Hasya untuk berkongsi pembelajarannya tentang Orangutan di sekolah.

Hasya ialah seorang pencinta haiwan. Dia rancak berbual tentang bagaimana Orangutan boleh memanjat dan menghabiskan masa mereka di pokok. "Orangutan makan pisang dan durian, Ummi! I nak buat kolam mandi untuk Orangutan mandi nanti!", seloroh Hasya semasa membuat projeknya di rumah.

Dia juga bersungguh-sungguh membuat kraf tangan tempat tinggal Orangutan dan tidak sabar untuk berkongsi bersama kawan-kawannya di sekolah.

Hasya juga fasih bertutur dan bercerita dalam bahasa Melayu, ini membuat saya selalu tersenyum mendengar telatahnya!

Terima kasih Cikgu kerana memupuk minat Hasya untuk bertutur dalam bahasa Melayu :)



Puan Izwani, ibu Hasya.





Zahraa ada bercerita tentang apa yang beliau lihat di taman haiwan. Di sana, dia dapat melihat beberapa jenis haiwan. Antaranya ialah memerang, ungka dan burung merak.

Sejujurnya, saya sendiri belajar nama-nama haiwan dari apa yang Zahraa kongsi dari lawatannya ke taman haiwan. Saya terpaksa cari makna nama haiwan tersebut.



Zahraa kongsi di mana tempat tinggal orangutan dan ada beberapa agenda lucu yang dia ceritakan. Saya dapat rasakan kegembiraan yang Zahraa rasakan mendengarkan kesemua ceritanya.

Di samping itu, Zahraa dan saya dapat meluangkan masa bersama membuat kraf tempat tinggal orangutan. Zahraa sendiri memberikan idea bagaimana dia mahukan hasil kraf itu.

Untuk pendapat saya, pengalaman Zahraa melawati taman haiwan bersama teman-teman amat memberikan impak positif kepadanya. Ianya menjadikan satu memori indah yang tak dapat dia lupakan.

Saya ada sertakan gambar saya dan Zahraa. Di dalam gambar itu ada haiwan yang Zahraa lihat. Terima kasih diatas usaha yang Cikgu Nadhira yang menjayakan topik orangutan. Kerjakeras cikgu amat saya hargai!



Puan Farhana, ibu Zahraa.